



Agong sampaikan anugerah kepemimpinan dan keusahawanan Hokkien Malaysia

Ogos 28, 2022 @ 12:27am



Al-Sultan Abdullah berkenan menyampaikan anugerah kepada Pengurusi Eksekutif Top Glove Corporations Bhd, Tan Sri Dr Lim Wee Chai pada Majlis Makan Malam Anugerah Keusahawanan Hokkien Peringkat Kebangsaan anjuran Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia di Kuala Lumpur. - BERNAMA

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, berkenan menghadiri majlis makan malam Anugerah Kepimpinan dan Keusahawanan Hokkien Malaysia Peringkat Kebangsaan, di sini malam ini.

Al-Sultan Abdullah yang tiba kira-kira jam 8.30 malam meluangkan masa hampir dua jam di majlis yang dianjurkan sempena ulang tahun ke-65 Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien Malaysia.

Seri Paduka turut berkenan menyampaikan anugerah kepada 10 penerima.

Turut hadir Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dan Presiden Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien Malaysia, Tan Sri Lim Hock San.

Hock San dalam ucapannya berkata, penerima anugerah itu terdiri mereka yang mempamerkan ketokohan bukan hanya dari segi mengaut keuntungan, tetapi juga membuktikan bahawa bidang diceburi mereka cukup mampan.

"Mereka dalam kalangan individu dan usahawan yang bekerja keras dalam memupuk kerjasama ekonomi dua hala Malaysia-China, di samping pembangunan perdagangan dan meningkatkan hubungan politik antara dua negara," katanya.

Antara penerima anugerah ialah Duta Khas Perdana Menteri ke China, Datuk Seri Tiong King Sing yang ketokohnya diiktiraf bagi kategori perkhidmatan cemerlang nasional.

Seorang lagi penerima ialah Pengurusi Eksekutif Top Glove Corporations Bhd, Tan Sri Dr Lim Wee Chai bagi kategori keunggulan korporat.

Objektif Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien Malaysia adalah untuk menyatukan kaum Hokkien, di samping meningkatkan pembangunan pendidikan dan kebudayaan, semasa menjalankan kerja-kerja amal bagi manfaat masyarakat.

Ka Siong pula dalam ucapannya berharap Persekutuan Persatuan-persatuan Hokkien Malaysia terus melangkah ke hadapan dalam membantu masyarakat serta menyumbang kepada pembangunan negara. - BERNAMA



Al-Sultan Abdullah berkenan bergambar bersama penerima anugerah ketika berangkat ke Majlis Makan Malam Anugerah Keusahawanan Hokkien Peringkat Kebangsaan anjuran Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia di Kuala Lumpur. - BERNAMA